



**PERHIMPUNAN BULANAN  
JABATAN KIMIA MALAYSIA  
JULAI 2023**

**TEKS UCAPAN**

**YANG BERUSAHA  
PUAN HALIMAH BINTI ABDUL RAHIM  
KETUA PENGARAH  
JABATAN KIMIA MALAYSIA**

**05 JULAI 2023  
DEWAN SYARAHAN BANGUNAN FORENSIK,  
PUSAT ANALISIS SAINS FORENSIK  
IBU PEJABAT PETALING JAYA  
9.00 PAGI**

Terima kasih saudara dan saudari Pengacara Majlis

*Bismillahirrahmanirrahim*

- **Assalamualaikum      warahmatullahiwabarakatuh,      Salam**  
**Perpaduan dan Salam MALAYSIA MADANI.**
  
- **Yang Berusaha En. Shaari bin Desa**  
**Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)**  
**Jabatan Kimia Malaysia**
  
- **Yang Berusaha Pn. Rusnah binti Rohani**  
**Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)**  
**Jabatan Kimia Malaysia**
  
- **Yang Berusaha Pengarah-Pengarah Kanan**
- **Pengarah-Pengarah Bahagian, Negeri dan Cawangan**  
**Tuan-tuan dan Puan-puan, warga KIMIA Malaysia yang saya**  
**kasihi sekalian.**

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, dapat kita bersama-sama berkumpul dalam Majlis Perhimpunan Bulanan KIMIA Malaysia bagi bulan Julai tahun 2023 ini.
2. Di kesempatan ini, saya merakamkan ucapan penghargaan kepada **Pusat Analisis Sains Forensik** selaku penganjur Perhimpunan Bulanan kita pada pagi ini.

Hadirin sekalian,

## **UCAPAN PENGHARGAAN & TAHNIAH**

### **JUARA PERARAKAN SAMBUTAN MBPJ YANG KE 17**

3. Pertamanya saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Kumpulan Perarakan KIMIA Malaysia yang telah menjadi juara bagi kategori agensi kerajaan di Majlis Perasmian Sambutan Ulang Tahun Bandaraya Petaling Jaya yang ke 17.
4. Sesungguhnya kejayaan ini cukup membanggakan. Tahniah kepada seluruh anggota pasukan atas kerja keras dan dedikasi Tuan/Puan dalam mencapai kejayaan tersebut.
5. Semoga kejayaan ini akan menjadi inispirasi dalam mencapai lebih banyak kejayaan di masa akan datang.

## **PERSARAAN**

6. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan kepada pegawai-pegawai berikut yang telah bersara pada bulan Jun 2023.
  - a. Encik Merit Bin Yusof dari KIMIA Sabah yang telah bersara wajib pada 14 Jun 2023 lepas.
  - b. En Mohamad Sabri bin Abdul Rahman dari KIMIA Pahang yang telah bersara wajib pada 27 Jun 2023.
7. Terima kasih atas jasa bakti dan sumbangan yang telah diberikan kepada jabatan.
8. Marilah kita bersama-sama mendoakan semoga hari-hari persaraan yang akan dilalui mereka akan dilimpahkan rahmat dan keberkatan serta bahagia di samping keluarga tersayang.

## **LAWATAN KETUA PENGARAH KE NEGERI**

### **Hadirin sekalian**

9. Ucapan penghargaan dan terima kasih saya tujukan kepada Pengarah dan Warga KIMIA Melaka diatas sambutan bagi sesi lawatan turun padang saya ke sana.
10. In sha Allah, perkara-perkara yang berbangkit, akan saya bawa untuk perbincangan bersama pengurusan tertinggi jabatan dan kita akan lihat kesusiaan bagi penyelesaian isu-isu yang telah diketengahkan.

## **THE G.R.E.A.T. KSN**

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

11. Pada 20 Jun yang lepas, YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara (KSN) telah melancarkan Buku, Modul dan Forum The G.R.E.A.T Civil Service: Cabaran dan Aspirasi Baharu Perkhidmatan Awam di Auditorium INTAN Bukit Kiara.
12. The G.R.E.A.T. Civil Service ialah wacana minda yang digagaskan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN), YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali ketika Majlis Amanat KSN Bersama Penjawat Awam pada 9 Februari 2023, sebagai usaha memperkasakan penjawat awam dengan nilai-nilai peribadi yang unggul.
13. Pada majlis tersebut, KSN menekankan bahawa Penjawat Awam perlu memanfaatkan teknologi seperti Internet Benda (IoT), Data Raya dan Kecerdasan Buatan (AI) yang akan secara langsung mengubah norma kerja penjawat awam.
14. Penggunaan AI ini telah menjangkau banyak aspek kehidupan manusia dan boleh memberi impak yang besar kepada dasar dan perkhidmatan awam dalam pelbagai cara.

15. Beliau turut mengingatkan penjawat awam untuk menjaga tata kelola yang mencakupi penyampaian perkhidmatan yang adil, saksama dan berhemah kepada semua komuniti kerana ia merupakan nadi kepada kecemerlangan sektor perkhidmatan awam

### **AMANAT YB MENTERI ( P.R.E.C.I.S.E. )**

Hadirin sekalian,

16. Semasa di perhimpunan bulanan MOSTI bersama Tuan Chang Lih Kang, Menteri MOSTI pada 26 Jun yang lalu, beliau turut memperkenalkan konsep P.R.E.C.I.S.E yang akan memacu MOSTI di masa hadapan.
17. Pendekatan utama P.R.E.C.I.S.E ini adalah dengan melihat kebolehubungan enam akronim iaitu:
18. **P: *People Centric*:**
  - a. MOSTI berperanan dalam membudayakan masyarakat melalui peningkatan akses dan pemanfaatan sains, teknologi, dan inovasi.

- b. Hal ini dilakukan melalui program-program pendidikan dan kesadaran masyarakat tentang manfaat dan pentingnya sains dan teknologi dalam kehidupan seharian.
- c. Melalui *people centric* ini, rakyat akan faham apa peranan MOSTI lebih-lebih lagi didalam penyelesaian masalah dalam isu-isu seperti *food security* (keterjaminan makanan), perubahan iklim ataupun penggunaan sains dan teknologi di dalam *precision farming* iaitu kaedah penggunaan guna teknologi utk membanyakkan hasil pertanian serta penggunaan program-program kecerdasan buatan ataupun (*Artificial Intelligence*).

**19. R: R&D (penyelidikan dan pembangunan)**

- a. MOSTI bertanggung jawab dalam merangka pembangunan dan penyelidikan yang memainkan peranan dalam mengembangkan kerangka kerja yang mendukung pertumbuhan dan pengembangan R&D di berbagai sektor.
- b. Sebagai contoh pembangunan vaksin dan banyak jabatan yg buat contoh vaksin, melaksanakan inisiatif dan projek berkaitan teknologi hidrogen.

20. **E: *Enculturation*:**

- a. MOSTI memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran dan pemahaman masyarakat tentang sains, teknologi, dan inovasi.
  
- b. Ini dilakukan melalui promosi program-program pendidikan seperti Minggu Sains Negara, Techlympic dan produk terbaharu MOSTI iaitu '*Innovaton*' (program bagi mengarusperdanakan inovasi di Malaysia).

21. **C: *Capacity Building*:**

- a. Banyak perdebatan berkenaan teknologi kecerdasan buatan (AI) yang akan mengambil alih tugas manusia.
  
- b. Sebenarnya kecerdasan buatan ini pasti akan memudahkan kerja-kerja kita di masa hadapan kerana ia merupakan satu bentuk skill baharu dan MOSTI hendaklah mengambil peluang dan ruang untuk menjadi pemegang taruh yang penting dalam mengembangkan dan mendukung perkembangan solusi kecerdasan buatan ini yang lebih efektif dan inovatif.



**22. I: Investment:**

- a. MOSTI hendaklah menjadi *facilitation technology* bagi teknologi-teknologi baharu yang masuk ke dalam negara.
- b. Sebelum ini MOSTI hanya tertumpu kepada Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) sahaja, namun ia akan berubah selepas ini melalui penekanan kepada Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE) untuk menarik lebih banyak pelabur-pelabur berkaitan teknologi ke dalam negara.

**23. SE: Start Up Ecosystem:**

- a. Akhir sekali adalah akronim 'SE' iaitu *Start Up Ecosystem*.
- b. MOSTI memainkan peranan penting dalam menyokong dan membangunkan ekosistem startup di Malaysia.
- c. MOSTI perlu fokus untuk menambahbaik sistem sedia ada dalam pemberian dana kerana sumber kewangan ini dapat membantu *start up* untuk mengembangkan produk mereka, menjalankan penyelidikan, dan membesarkan operasi mereka.
- d. Melalui inisiatif-inisiatif ini, MOSTI memainkan peranan aktif dalam memupuk ekosistem *start up* di Malaysia, menyokong pertumbuhan dan kejayaan startup inovatif,

dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi secara keseluruhan.

### **KEJOHANAN SUKAN**

24. Saya telah dimaklumkan bahawa Kelab KIMIA Malaysia akan menganjurkan Kejohanan Sukan Kelab KIMIA Malaysia pada tahun ini. Beberapa permainan akan dipertandingkan sepanjang Kejohanan Sukan ini dan Pertandingan Karom telah bermula pada 3 Julai 2023 yang lalu.
25. Setiap pasukan terdiri daripada pusat-pusat serta gabungan pusat dan bahagian akan bertanding secara sihat dalam setiap acara yang akan dipertandingkan nanti.
26. Saya berharap setiap pasukan dapat memberi kerjasama dalam menjayakan Kejohanan Sukan ini serta program-program lain anjuran Kelab KIMIA Malaysia pada tahun ini.

### **PENUTUP**

27. Sebelum saya mengakhiri ucapan pada pagi ini, ingin saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Lahir kepada semua warga kerja KIMIA Malaysia yang menyambut hari kelahiran pada bulan Julai.

28. Saya akhiri ucapan saya pada pagi ini dengan lafaz Wabillahittaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
  
29. Sekian, terima kasih.

**----- TAMAT-----**